



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

30 September 2025

Kenyataan Media

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM JELAS DAKWAAN MENGELIRUKAN TENTANG PEMERIKSAAN KENDERAAN SUSULAN INSIDEN PLAZA TOL BUKIT KAJANG

SHAH ALAM, 30 SEPTEMBER 2025 – PUSPAKOM merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada mangsa serta keluarga kejadian tragis di Plaza Tol Bukit Kajang. Sehubungan dengan perbincangan yang timbul selepas insiden tersebut, ianya adalah penting untuk maklumat yang jelas dan tepat disampaikan kepada orang ramai.

Dalam menjelaskan tanggungjawab pemeriksaan, **Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahaman** menekankan perbezaan antara pematuhan pemeriksaan yang disahkan dan kawalan operasi selepas pemeriksaan dijalankan.

"Peranan PUSPAKOM adalah untuk mengesahkan bahawa kenderaan memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan pada masa pemeriksaan dijalankan, menggunakan peralatan bertauliah serta prosedur yang ditetapkan. Selepas lulus pemeriksaan, keadaan kenderaan mungkin berubah disebabkan faktor luaran dan operasi yang berada di luar kawalan persekitaran pemeriksaan," kata Mahmood.

Komitmen terhadap Pemahaman Awam yang Tepat

Pelbagai kenyataan awam baru-baru ini mendakwa pemeriksaan kenderaan hanya tertumpu kepada sistem brek sahaja yang tidak mencegah insiden melibatkan kenderaan berat. Dakwaan ini tidak mencerminkan skop, piawaian dan proses yang dilaksanakan dalam persekitaran pemeriksaan kenderaan yang dikawal selia. Demi menjelaskan kekeliruan ini dan memberi kefahaman yang jelas kepada orang ramai, tanggapan ini perlu diperbetulkan dengan fakta.

Pemeriksaan Melibatkan Lebih Daripada Brek Sahaja

Bertentangan dengan persepsi bahawa hanya brek yang diperiksa, kenderaan komersial dan perkhidmatan awam sebenarnya menjalani pemeriksaan menyeluruh yang merangkumi pelbagai sistem kritikal keselamatan.

Pemeriksaan dijalankan menggunakan peralatan yang dikalibrasi sejajar dengan piawaian peraturan. Kekerapan pemeriksaan bagi setiap kategori kenderaan ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Rangka kerja pemeriksaan kenderaan Malaysia juga sejajar dengan piawaian Suruhanjaya Ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Eropah (UNECE), iaitu penanda aras antarabangsa bagi peraturan keselamatan kenderaan yang diterima pakai oleh kebanyakan negara di seluruh dunia.

Pemeriksaan biasanya termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bahagian berikut:

No	Jenis Pemeriksaan	Penjelasan
1	Identiti Kenderaan	- Mengesahkan identiti kenderaan dengan menyemak nombor chasis dan enjin dengan dokumentasinya. - Memeriksa badan kenderaan untuk mengenal pasti sebarang kerosakan, mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.
2	Sistem Brek	- Memastikan brek servis, brek letak kereta/kecemasan, dan komponen yang berkaitan berfungsi dan selamat. - Menilai kecekapan brek, keseimbangan, kehabisan, dan daya sisa untuk memenuhi piawaian undang-undang dan keselamatan.
3	Roda dan Tayar	Memeriksa keadaan tayar, kedalaman bunga, penjarangan roda, hab, dan nat roda untuk memastikan ia selamat, layak dipandu dan mematuhi keperluan undang-undang.
4	Chasis dan Badan	Memeriksa integriti struktur, keselamatan, dan kefungsiannya rangka dan badan kenderaan
5	Enjin, Ekzos, dan Transmisi	- Memeriksa enjin, ekzos, dan sistem transmisi untuk memastikan kenderaan selamat dari segi mekanikal. - Mengukur pelepasan ekzos untuk mengesahkan pematuan dengan piawaian perundangan alam sekitar.
6	Sistem Penggantungan	Menguji spring, penyerap kejutan, dan sambungan gandar untuk mengesahkan sistem ampaian kekal kestabilan dan boleh beroperasi dengan selamat.
7	Sistem Stereng	Memeriksa semua komponen stereng untuk integriti mekanikal dan kefungsiannya yang selamat.
8	Pencahayaan	Memeriksa semua lampu kenderaan untuk memastikan ia ada, berfungsi, dan memenuhi piawaian keselamatan undang-undang.
9	Tingkap, Pintu, dan Kaca	Memeriksa tingkap, pintu, cermin depan dan cermin untuk keselamatan, keterlihatan, dan pematuan terhadap peraturan.

Faktor Luaran dan Operasi

Kenderaan yang telah lulus pemeriksaan masih boleh terdedah kepada risiko selepas pensijilan. Antara faktor-faktor paling lazim yang mempengaruhi prestasi ialah:

- Terlebihi muatan atau pengagihan kargo yang tidak sekata
- Keadaan jalan raya, termasuk kecerunan, selekoh, dan permukaan
- Pendedahan haba, cuaca atau persekitaran
- Amalan penyelenggaraan selepas pemeriksaan
- Kehausan komponen di antara kitaran pemeriksaan

Untuk melindungi daripada risiko-risiko di atas, kenderaan komersial diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan setiap enam bulan sebagai titik semakan berkala untuk memastikan tahap kelayakan dipandu di jalan raya. Di antara selang waktu ini, keselamatan bergantung kepada penyelenggaraan berterusan, operasi yang bertanggungjawab serta pematuhan kepada peraturan sedia ada.

Kepentingan Kecekapan dan Pemilihan Pemandu

Integriti teknikal kenderaan hanyalah sebahagian daripada keselamatan jalan raya.

Kecekapan pemandu turut penting dan bergantung kepada pemilihan yang betul, pelesenan, kecergasan fizikal, dan latihan berterusan. Pengendali kenderaan (*fleet operator*) bertanggungjawab memastikan pemandu diambil bekerja secara teliti, disaring secara sewajarnya, dan dipantau sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Pemanduan berhemah (*defensive driving*) adalah komponen utama kecekapan.

Pemandu kenderaan berat mesti dilatih untuk menjangka risiko, mengawal kelajuan ketika turun atau daki cerun, dan mengekalkan jarak yang selamat dengan kenderaan lain. Mereka juga mesti cekap bertindak balas ketika kecemasan, termasuk menggunakan sistem brek tambahan seperti brek enjin atau brek transmisi, pemilihan gear rendah semasa menuruni bukit, dan mengendalikan kenderaan untuk mengurangkan kelajuan atau berhenti dengan selamat.

“Tanpa pemandu yang mahir dan terlatih, tahap keselamatan kenderaan yang diselenggara dengan baik boleh terjejas dengan ketara. Kecekapan yang disokong oleh amalan pengendali yang bertanggungjawab serta pematuhan terhadap had operasi memainkan peranan penting dalam mencegah dan mengurangkan insiden jalan raya,” kata Mahmood.

Memandangkan insiden ini masih dalam siasatan, menumpukan perhatian hanya pada satu komponen kenderaan sahaja mengabaikan piawaian pemeriksaan yang telah ditetapkan dan pelbagai faktor lain yang turut mempengaruhi keselamatan jalan raya. PUSPAKOM akan terus memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa sepanjang proses siasatan.

- TAMAT -



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

30 September 2025

Media Statement

For Immediate Release

PUSPAKOM CLARIFIES MISLEADING PUBLIC CLAIMS ON VEHICLE INSPECTIONS FOLLOWING BUKIT KAJANG TOLL PLAZA INCIDENT

SHAH ALAM, 30 SEPTEMBER 2025 – PUSPAKOM extends its deepest sympathies to the victims and families affected by the tragic incident at the Bukit Kajang Toll Plaza. In light of the discussions that followed, it is important to provide clear and accurate information to the public.

In clarifying the boundaries of inspection responsibility, **PUSPAKOM's Chief Executive Officer, Mahmood Razak Bahaman** underscored the difference between certified compliance and subsequent operational control.

"PUSPAKOM's role is to verify that a vehicle meets regulated safety standards at the point of inspection, using calibrated equipment and established procedures. After certification, a vehicle's condition may evolve due to external and operational factors, which falls outside the inspection environment," said Mahmood.

Commitment to Accurate Public Understanding

Recent public statements have suggested that vehicle inspections focus narrowly on brake systems and may not prevent incidents involving heavy vehicles. These claims do not reflect the scope, standards, or processes implemented in regulated vehicle inspection. For the benefit of public clarity and road safety stakeholders, it is important to address these misconceptions with facts.

Inspections Cover More Than Brakes

Contrary to the perception that only brakes are evaluated, commercial and public service vehicles undergo a comprehensive inspection that includes multiple safety-critical systems.

The checks are carried out using calibrated equipment aligned with regulatory standards. The inspection frequency for each vehicle class is mandated by Road Transport Department or Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Malaysia's inspection framework is also aligned with the United Nations Economic Commission for Europe (UNECE) standards, which form the international benchmark for vehicle safety regulations adopted by many countries worldwide.

The inspections typically include, but are not limited to, the following areas:

No	Inspection Type	Description
1	Vehicle Identity	- Verify the vehicle's identity by checking the chassis and engine numbers against its documentation. - Inspect the body to identify any defects, in accordance with the Road Transport Act 1987.
2	Brake System	- Ensure that service brakes, parking/emergency brakes, and related components are functional and safe. - Assess brake efficiency, balance, run-out, and residual force to meet legal and safety standards.
3	Wheels and Tyres	Check the condition of tyres, tread depth, wheel alignment, hubs, and wheel nuts to ensure they are safe, roadworthy, and compliant with legal requirements.
4	Chassis and Body	Examine the structural integrity, safety, and functionality of the vehicle's frame and bodywork
5	Engine, Exhaust, and Transmission	- Inspect the engine, exhaust, and transmission systems to ensure the vehicle is mechanically safe. - Measure exhaust emissions to verify compliance with legal environmental standards.
6	Suspension System	Test springs, shock absorbers, and axle joints to confirm the suspension system maintains stability and safe operation.
7	Steering System	Check all steering components for mechanical integrity and safe functionality.
8	Lighting	Inspect all vehicle lamps to ensure they are present, functional, and meet legal safety standards.
9	Windows, Doors, and Glass	Check windows, doors, windshields, and mirrors for safety, visibility, and compliance with regulations.

External and Operational Factors

Even a vehicle that passes inspection can encounter post-certification risks. Among the most common factors influencing performance are:

- Overloading or uneven cargo distribution
- Road conditions, including gradients, curves and surfaces
- Heat, weather, or environmental exposure
- Maintenance practices after inspection
- Component wear between inspection cycles

To safeguard against these risks, commercial vehicles are mandated for inspections every six months, providing regular checkpoints to monitor roadworthiness. In between these intervals, continued safety depends on responsible maintenance, proper operation, and compliance with established regulations.

Importance of Driver Competency and Selection

Technical vehicle integrity is only one part of road safety. Driver competency is equally critical and depends on proper selection, licensing, physical fitness and continuous training. Fleet operators have a responsibility to ensure drivers are recruited responsibly, screened appropriately and monitored throughout their service.

Defensive driving is a key component of competency. Heavy vehicle drivers must be trained to anticipate risks, manage speed on inclines and declines, and maintain safe following distances. They must also be equipped to respond effectively in emergencies, including using auxiliary braking systems such as engine braking or transmission-based braking, selecting lower gears on descents, and safely manoeuvring to reduce speed or bring the vehicle to a controlled stop.

“Without capable and well-trained drivers, the safety value of a well-maintained vehicle is significantly reduced. Competency, supported by responsible operator practices and adherence to operating limits, plays a decisive role in preventing and mitigating road incidents,” said Mahmood.

As the incident is still being investigated, focusing on a single vehicle component overlooks established standards and the wider factors that contribute to road safety. PUSPAKOM will continue to cooperate fully with the authorities throughout the investigation.

- END -